

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 4 / 10 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 18 | RUANGAN | sempena |

Nyaris hilang semangat

KELANA JAYA: Tiada kata dapat menggambarkan perasaan seorang ibu apabila dapat menunaikan haji selepas bertahun-tahun menunggu dengan anak dan menantunya.

Jeliah Wok, 80, dari Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan tidak menyangka anaknya, Mainun Mohd Esa, 59, dan menantunya, Rosnah Abu Bakar, 50, turut menjadi tetamu Allah.

Katanya, selepas mengetahui mendapat tawaran haji Julai lalu, dia pernah terfikir menolaknya kerana memikirkan kesihatan yang tidak berapa baik.

Bagaimanapun, katanya, anak-anak banyak memberi sokongan kerana berkeungkinan sukar mendapat tawaran tersebut nanti.



JELIAH...terima sokongan

“Anak-anak banyak memberi semangat kepada saya untuk meneruskan ibadat berkenaan, lagipun Tabung Haji (TH) meminta saya mencari pengirim muhrim untuk menjaga saya di sana memandangkan pergi berseorangan,” katanya.